

Ahad, 8 September 2019 | 1:58pm



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail (dua dari kanan) menyampaikan barang keperluan kepada Muhammad Izzat Amran Ibrahim, 20, (dua dari kiri) semasa hadir majlis Wacana Menteri dan Majlis Perasmian Food Bank Siswa Universiti Sains Malaysi (USM) di Dewan Pembangunan Siswa USM Pulau Pinang. Muhammad Izzat yang tular menjual petai untuk mencari wang bagi mendaftarkan diri sebagai penuntut USM antara 350 pelajar USM yang layak menerima bantuan daripada program Food Bank Siswa. - Foto Danial Saad

Budak Petai jadi sukarelawan Food Bank Siswa

Oleh Siti Sofia Md Nasir
siti.sofia@bh.com.my

GEORGETOWN: Menerima dan kemudiannya memberi. Itu yang dilakukan Muhammad Izzat Amran Ibrahim apabila memilih untuk menyertai sukarelawan Food Bank Siswa di Universiti Sains Malaysia (USM) di sini, hari ini.

Muhammad Izzat, 20, yang turut dikenali sebagai 'budak petai' berkata, penyertaannya sebagai sukarelawan adalah untuk membantu melancarkan program yang dikendalikan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) itu.

"Saya bukan orang senang, jadi satu-satunya cara untuk 'memberi' adalah dengan menjadi sukarelawan supaya saya dapat membantu dari segi fizikal, apa yang mereka perlukan."

"Setakat ini, semuanya berjalan lancar di USM dan ramai juga kawan-kawan baru yang mengenali saya," katanya yang turut menjadi penerima program Food Bank Siswa USM.

Muhammad Izzat ditemui selepas menghadiri pelancaran Food Bank Siswa USM yang dirasmikan Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, di sini, hari ini.



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail (kiri) menghidangkan juadah kepada Muhammad Izzat Amran Ibrahim, 20, (kanan) semasa hadir majlis Wacana Menteri dan Majlis Perasmian Food Bank Siswa Universiti Sains Malaysi (USM) di Dewan Pembangunan Siswa USM Pulau Pinang. Muhammad Izzat yang tular menjual petai untuk mencari wang bagi mendaftarkan diri sebagai penuntut USM antara 350 pelajar USM yang layak menerima bantuan daripada program Food Bank Siswa. - Foto Danial Saad

Sebelum ini, BH melaporkan kisah Muhammad Izzat yang terpaksa menjaja petai untuk mencari wang bagi membayar yuran dan menampung pembelajarannya di USM bagi mengikuti kursus Sarjana Muda Sains Perumahan, Bangunan dan Perancangan (Teknologi Bangunan).

Keprihatinan semua pihak akhirnya membantu anak ketiga daripada 12 beradik itu mengikuti pengajian di USM bermula Isnin lalu.

Sementara itu, seramai 4,000 pelajar daripada universiti awam (UA) kini menjadi penerima Food Bank Siswa yang dilancarkan KPDNHEP pada awal tahun lalu.

Saifuddin Nasution berkata, USM adalah UA ke-12 yang melaksanakan program Food Bank Siswa, dengan 350 pelajar dikenalpasti layak menerima bantuan berkenaan.

"Food Bank Siswa USM digerakkan melalui dua kaedah, iaitu 'Food Pantry' yang menyediakan bekalan makanan kering sebelum diagihkan kepada mahasiswa yang layak serta 'Central Kitchen', " katanya.

Program Food Bank Siswa adalah kesinambungan daripada program Food Bank Malaysia yang dilancarkan pada tahun lalu untuk membantu isi rumah daripada kumpulan B40 di seluruh negara.